

# UPM SERAH ASET 100 JUTA PADA KUT

Oleh: MOHD RUSDY HASAN / Foto: Ahmad Fua'ad Alwi



Dr. Abdul Latif memberi taklimat mengenai plan pembangunan kampus KUT kepada Tan Sri Musa selepas upacara penyerahan kampus itu baru-baru ini

KUALA TERENGGANU (TP): Tanggal 19 Mei baru-baru ini sejarah tercatat di negeri Pantai Timur ini apabila Universiti Putra Malaysia (UPM) secara rasminya menyerahkan aset bernilai kira-kira 100 juta kepada Kolej Universiti Terengganu (KUT).

Penyerahan aset ini menandakan berakhirnya naungan KUT dibawah payung UPM dan membangunkan ia sebagai sebuah Institusi Pengajian

Tinggi Awam yang terasing dan tersendiri serta muncul sebagai yang pertama di Pantai Timur.

Majlis penyerahan ini berlangsung antara Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Datuk Ramly Ahmad dan wakil Pengerusi Lembaga Pengarah KUT, Dato' Dr Abdul Latif Awang sambil disaksikan oleh Menteri Pendidikan YB Tan Sri Musa Muhamad.

Semasa bercakap kepada pemberita Musa

menaruh keyakinan KUT mempunyai masa depan yang cerah sebagai sebuah IPTA berdasarkan keupayaannya dalam bidang sains marin dan alam semulajadi.

Menurut beliau KUT bertanggung jawab untuk muncul sebagai sebuah IPTA yang lebih besar dan masyhur serta setanding dengan universiti-universiti lain. Ia juga di harap dapat menjalankan penyelidikan yang khusus dalam bidang



Dr. Zohadie Bardaie



Dr. Mohamed Mahyuddin



Datuk Ramly Ahmad

marin.

"Reputasi KUT dipercayai mampu diteruskan, sekaligus membolehkan ia muncul sebagai antara IPTA yang berwibawa dan mampu melakar sejarah yang boleh dibanggakan," katanya semasa sidang akhbar selepas majlis penyerahan tersebut.

Musa juga ada menyentuh mengenai pembangunan yang akan dilaksanakan di KUT. Kata nya pelbagai kemudahan dijangka akan dapat disediakan sedikit masa lagi dan ditambah dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun Musa menjelaskan KUT tidak dibenarkan mengambil pelajar melebihi 5,000 orang sebab itulah dia di-

namakan kolej universiti.

"Kemudahan-kemudahan tetap akan dibina dengan mengambil kira jumlah pelajar yang ada. Untuk menambah jumlah pelajar melebihi 5,000 perkara tersebut perlu diteliti kemudian," katanya menjawab satu pertan-

yaan pemberita.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UPM, Profesor Dato' Dr Mohamad Zohadie Bardaie, Rektor KUT, Profesor Datuk Dr Mohamad Mahyuddin dan Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof Madya Dr Idris Abdol.

## KUT AMBIL PELAJAR PERTAMA

Kolej Universiti Terengganu menerima kemasukan pelajar baru sesi 2001-2002 yang pertama seramai 1000 orang selepas ia berpisah secara rasmi daripada UPM dalam majlis penyerahan harta dan kampus itu di kampus tersebut baru-baru ini..

Menurut wakil Lembaga Pengarah KUT, Dato' Dr Abdul Latif Awang pelajar tersebut akan mendaftar sebagai anak jati KUT yang akan mengikuti 11 program yang di tawarkan oleh KUT.

"Kewujudan KUT adalah sangat bermakna bagi masyarakat setempat dan ia boleh memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan koridor Pantai Timur," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan harta/kampus UPM kepada



Dr. Abdul Latif

KUT baru-baru ini.

Katanya penyerahan ini adalah satu pengorbanan besar UPM demi untuk melihat kemajuan proses pendidikan di Terengganu khususnya dan Pantai Timur amnya.

Belia berharap UPM akan membantu memberi bimbingan dan tunjuk ajar pada masa-masa akan datang kerana antara UPM dan KUT banyak persamaan kerana KUT mewarisi sistem dan program pengajian daripada UPM.



Dato' Ramly bertukar-tukar dokumen penyerahan kampus KUT dengan Dr. Abdul Latif sambil disaksikan oleh Tan Sri Musa (tengah), Dr. Zohadie (kiri) dan Dr. Mohamed Mahyuddin (kanan sekali)